

Cagamas catat pertumbuhan positif perniagaan

KUALA LUMPUR: Cagamas Holdings Bhd mencatatkan pertumbuhan positif perniagaan pada 2021 dengan aktiviti perniagaan kekal baik walaupun dalam persekitaran yang mencabar.

Dalam kenyataan kelmarin, katanya entiti operasi utamanya, Cagamas Bhd, mencatatkan pembelian aset terbesar sejak 2017 pada RM13.8 bilion di bawah skim Pembelian Dengan Rekursa (PWR), yang menggambarkan momentum perniagaan pra-pandemik.

Cagamas juga berjaya menerbitkan sejumlah RM19.2 bilion bon dan sukuk pada tahun 2021, tertinggi sejak 2002.

"Terbitan itu termasuk RM11.9 bilion dalam penerbitan hutang konvensional dan RM7.3

bilion dalam sukuk. Terbitan mata wang asing menyumbang 13 peratus atau RM2.6 bilion daripada jumlah terbitan.

"Cagamas kekal sebagai salah satu penerbit bon korporat dan sukuk terbesar di Malaysia dengan 4.1 peratus daripada jumlah bon korporat dan sukuk yang belum ditebus dan 18.1 peratus daripada bon dan sukuk bertaraf AAA yang belum ditebus," katanya.

Pada 2021, Cagamas berkata, pihaknya terus menerbitkan Bon Kemampunan ASEAN dan Sukuk SRI Kemampunan ASEAN bernilai RM700 juta untuk membiayai pembelian aset mampan yang layak.

Pengerusi Datuk Bakaruddin Ishak berkata bagi 2022, kumpulan memperuntukkan

lebih banyak sumber untuk menerapkan unsur Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam strategi korporat mereka.

"Ini termasuk membangunkan metodologi pembiayaan hijau untuk pembiayaan rumah," katanya.

- Bernama



PENGERUSI
Cagamas, Datuk
Bakaruddin Ishak